

JAWAPAN

PELAJARAN
1

Allah SWT Pengampun Segala Dosa

1. Murid baca dengan bertajwid
2. (a) أَفْسَنَا
(b) تَغْفِرُ
(c) لَنْكُونَنَّ
3. Mereka berdua merayu: "Wahai Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya kami termasuk orang-orang yang rugi."
4. (a) 3
(b) 1
(c) 6
5. (a) Melakukan dosa merupakan suatu kezaliman terhadap diri sendiri
(b) Allah SWT sentiasa menerima taubat hamba-Nya yang menyesal di atas dosa yang dilakukan
(c) Orang yang mendapat keampunan Allah SWT ialah mereka yang beruntung
(d) Umat Islam diwajibkan supaya memohon keampunan daripada Allah SWT atas dosa yang dilakukan
6. (a) 2
(b) 3
(c) 1
7. Aktiviti murid

POWER PT3

1. (a) (i) 1
(ii) 4
(iii) 6
(b) (i) 2
(ii) 1
(iii) 3
- جاس اييو دان باڤ امت بسر کڻد کيت. مريک سڀکوڻ
برقبان اوٺنوق کٻاءيڙن دان مبمری کيت کاسيه ساچ يٺ
سوچي.

POWER KBAT

1. Kemungkaran akan berleluasa menyebabkan kehidupan masyarakat huru hara. Kesannya masyarakat tidak akan bersatu padu dalam meningkatkan keharmonian negara. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan kasih sayang sesama anggota masyarakat agar hidup tenang dan tenteram.
2. Pelaku dosa hendaklah bertaubat dengan membuat solat sunat taubat dan menyesal atas apa yang telah dilakukan. Seterusnya, dia hendaklah meninggalkan perkara maksiat dan berazam tidak akan melakukannya lagi. Oleh itu, kita hendaklah bertaubat dengan sebenar-benar taubat supaya taubat diterima oleh Allah.

3. Cara yang akan saya lakukan bagi mengelakkan diri daripada perbuatan dosa adalah dengan mengamalkan amar makruf nahi mungkar dan menjauhi tempat-tempat maksiat. Selain itu, saya juga akan berazam untuk tidak mengulangi kesilapan dosa yang lepas agar Allah menerima taubat yang telah saya lakukan dan supaya mendapat ketenangan hidup. Oleh itu, kita hendaklah menjauhi perbuatan dosa dengan memperbanyakkan amalan soleh.

PELAJARAN
2

Al-Quran Petunjuk Kebenaran

1. Murid baca dengan bertajwid
 2. (a) 3
(b) 4
(c) 1
 3. (a) Lafaz syirik merupakan suatu pembohongan terhadap Allah SWT
(b) Al-Quran diturunkan kepada umat Islam sebagai petunjuk manusia
(c) Al-Quran memberikan peringatan tentang balasan neraka kepada orang yang melakukan syirik
 4. (a) أَنْزَلَ
(b) يَعْمَلُونَ
(c) عَلِمَ
(d) يَقُولُونَ
 5. Aktiviti murid
- اومنت إسلام دسارنکن اکر ڦريهاتين ترهادڻ کسوسهن انق ۲
يتيم. سلاٽين ايت، کيت جوک دتونتوت ممبري لائن يٺ
باءيچي کڻد مريک.

POWER KBAT

1. Meyakini al-Quran sebagai panduan hidup yang sempurna. Contohnya mengamalkan ajaran al-Quran seperti sentiasa berpakaian menutup aurat. Kesannya hidup akan sentiasa diberi petunjuk kebenaran. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan ajaran al-Quran dalam kehidupan agar memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan.
2. Pengajaran yang boleh saya ambil ialah penuntut ilmu juga perlu mempunyai kesungguhan dalam menuntut ilmu. Hal ini kerana jika kita tidak bersungguh, ilmu kita tidak akan

bertambah dan tidak akan membawa kita kepada kejayaan yang ingin dicapai. Oleh itu, sebagai murid kita hendaklah rajin dan bersungguh-sungguh ketika belajar supaya mendapat ilmu yang bermanfaat.

3. Ayat ini mengingatkan kita supaya tidak terlalu mengejar perihal dunia. Hal ini kerana semakin seseorang itu mengejar perihal dunia maka dia akan sentiasa berasa tidak puas untuk mengejar anangan dunia menyebabkan dunia akan semakin jauh dengannya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa beringat supaya tidak terlalu leka mengejar hal dunia sehingga mengabaikan tentang akhirat.

**PELAJARAN
3**

Hukum Tajwid: Hukum Mad

1. (a) (i) Memanjangkan bacaan kerana terdapat huruf mad
 (ii) Bacaan sepanjang 2 harakat
 (iii) كَاتِبٌ
 - (b) (i) Huruf mad yang bertemu dengan huruf hijaiyah di akhir kalimah dan dibaca secara wakaf
 (ii) Bacaan sepanjang 2, 4 atau 6 harakat
 (iii) خَالِدُونَ
 - (c) (i) Huruf mad bertemu dengan huruf hamzah dalam satu kalimah
 (ii) Bacaan sepanjang 4 atau 5 harakat
 (iii) سَوْءَاءٌ
 - (d) (i) Huruf mad bertemu dengan huruf hamzah dalam dua kalimah berlainan
 (ii) Bacaan sepanjang 4 atau 5 harakat
 (iii) وَلَا أَنْتَمْ
 - (e) (i) Huruf lin (ء) atau (ي) bertanda sukun didahului sebelumnya huruf berbaris atas dan dibaca secara waqaf
 (ii) Bacaan sepanjang 2, 4 dan 6 harakat
 (iii) قُرْيَشٌ
 - (f) (i) Huruf mad yang berbaris dua di atas (ـ) dibaca dengan baris satu di atas (ـ) ketika wakaf, dengan bacaan mad.
 (ii) Tanwin (ان) dihilangkan dan dibaca seperti fathah biasa dengan panjang 2 harakat
 (iii) سَمِيعًا
 - (g) (i) Huruf hamzah bertemu dengan huruf-huruf mad dalam satu kalimah.
 (ii) Bacaan sepanjang 2 harakat
 (iii) إِيمَانٌ
2. (a) Mad 'iwadh
 (b) Mad 'iwadh
 (c) Mad lin
 (d) Mad lin
 (e) Mad arid lissukun
 (f) Mad arid lissukun
3. أُولَئِكَ، الْمُحْسِنِينَ، لِلْمُتَّقِينَ
4. Aktiviti murid

POWER PT3

1. (a) (i) Mad asli
 (ii) Mad wajib muttasil
 (iii) Mad a'rid lissukun
 (iv) Mad badal

- (b) (i) Huruf mad yang bertemu dengan huruf hijaiyah di akhir kalimah dan dibaca secara wakaf.
 (ii) Huruf lin (ء) atau (ي) bertanda sukun didahului sebelumnya huruf berbaris atas dan dibaca secara waqaf.
 (iii) Huruf hamzah berada sebelum huruf mad di dalam satu kalimah.
- (c) (i) الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى
 (ii) حَلَقَاتَ آمَةٍ
 (iii) وَبِهِ يَعْدِلُونَ

POWER KBAT

1. Pembaca akan mendapat dosa kerana mengabaikan hukum tajwid yang telah diketahui. Hal ini kerana dalam prinsip ilmu tajwid adalah penting untuk memastikan al-Quran dibaca dengan betul dan menjaga lidah daripada membuat kesalahan. Oleh itu, kita hendaklah membaca al-Quran dengan bertajwid agar tergolong dalam kalangan umat yang mengikut perintah Allah dan prinsip ilmu Islam.
2. Mempelajari hukum-hukum bacaan al-Quran seperti hukum nun dan mim sakinah adalah fardu kifayah supaya dapat memastikan bacaan adalah secara bertajwid. Hal ini kerana membaca al-Quran secara bertajwid adalah wajib dalam Islam. Kesannya, hasil bacaan tersebut dapat membentuk akhlak mulia. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menitikberatkan hukum tajwid ketika membaca al-Quran agar bacaan tersebut memberi faedah kepada pembacanya.
3. Pada pendapat saya, dengan mempelajari ilmu tajwid, seseorang itu akan terhindar daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang merosakkan bacaan al-Qurannya, dapat meningkatkan minat membaca al-Quran, akan berasa yakin semasa membaca al-Quran dan menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kita hendaklah mempelajari ilmu tajwid agar dapat membaca al-Quran seperti Rasulullah SAW yang penuh khusyuk dan bertajwid.

**PELAJARAN
4**

Pancaindera yang Dimanfaatkan

1. Murid baca dengan bertajwid
2. Sesungguhnya Kami jadikan untuk penghuni neraka jahanam ramai daripada golongan jin dan manusia. Mereka mempunyai hati tetapi tidak mahu memahami (ayat Allah) dengannya dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat (bukti keesaan Allah) dengannya serta yang mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar (ajaran dan nasihat). Mereka itu (diumpamakan) binatang ternakan, bahkan lebih sesat lagi mereka itulah golongan yang lalai.
3. Penghuni neraka terdiri daripada jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak mahu memahami ayat-ayat Allah, mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat bukti keesaan Allah dan mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar ajaran serta nasihat mengenai agama.
4. (a) Memahami ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah
 (b) Melihat kejadian Tuhan sebagai bukti kekuasaan-Nya
 (c) Mendengar perkara yang memberi manfaat dan kebaikan
5. (a) Kita hendaklah memanfaatkan hati, mata dan telinga kerana semuanya adalah amanah Allah kepada manusia.

- (b) Kita hendaklah mengelakkan diri daripada menjadi orang lalai agar tidak diazab oleh Allah.
- (c) Kita hendaklah melaksanakan segala perintah Allah agar dapat menghindari diri daripada neraka.

6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1. (a) (i) jin
(ii) munafik
(iii) kebenaran
(iv) lalai
- (b) Penggunaan anugerah Allah dengan betul akan mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan dihormati seterusnya mendapat keberkatan hidup dari Allah SWT.
- (c) Mata melihat kebesaran Allah dan hati akan mengakuinya. Sebagai contoh, melihat keindahan tumbuh-tumbuhan akan menyebabkan seseorang mengakui Allah Maha Bijaksana. Hal ini membuktikan bahawa Allah akan memberi hidayah kepada orang yang beriman kepadanya.

POWER KBAT

1. Anugerah Allah SWT yang dikurniakan kepada manusia hendaklah digunakan ke jalan yang baik dan berfaedah. Jika disalahgunakan pasti mengundang malapetaka kepada masyarakat. Contohnya, penggunaan nikmat telinga dengan betul seperti mendengar perkara yang baik dan berfaedah dapat mengelakkan masyarakat daripada unsur fitnah yang membahayakan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bijak menggunakan nikmat-Nya supaya umat Islam sentiasa dalam suasana harmoni.
2. Penggunaan nikmat mata dengan betul seperti melihat perkara yang bermanfaat dapat mengelakkan masyarakat daripada perbuatan dosa seperti zina mata. Hal ini secara tidak langsung akan membolehkan negara terhindar daripada masalah gejala sosial. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menggunakan nikmat-Nya dengan betul supaya umat Islam dapat terhindar daripada melakukan perbuatan yang membawa kepada masalah sosial.
3. Saya akan menggunakan akal fikiran untuk belajar bersungguh-sungguh tanpa mengenal putus asa dan selalu mengulang kaji pelajaran. Dalam hal ini, saya akan memberikan tumpuan yang lebih terhadap mata pelajaran Sains. Oleh itu, saya perlu menggunakan akal yang dikurniakan dengan sebaiknya bagi mencapai cita-cita tersebut.

PELAJARAN

5

Zikir Penenang Hati

1. Murid baca dengan bertajwid
2. 205. Dan sebutlah nama Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut dan dengan tidak meninggikan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah kamu termasuk orang yang lalai.
206. Sesungguhnya malaikat yang ada di sisi Tuhanmu tidak berasa enggan menyembah Allah dan mereka pula bertasbih kepada-Nya dan kepada-Nyalah juga mereka sujud.
3. Allah SWT memerintahkan supaya umat Islam berzikir dengan rendah diri dan rasa takut pada waktu pagi dan petang serta mencontohi para malaikat yang sentiasa taat dan patuh kepada perintah Allah SWT.

4. Bahasa: Ingat
Syarak: Mengingati Allah SWT sama ada melalui hati atau lisani
5. Adab berzikir:
(a) Dengan penuh takut kepada Allah SWT
(b) Berzikir dengan suara yang lembut
(c) Merendah diri kepada Allah SWT

Peranan zikir:

- (a) Memberi petunjuk ke jalan yang benar
- (b) Mententeramkan hati
- (c) Melindungi diri daripada maksiat Allah SWT

6. (a) Zikir malaikat tidak bertambah dan tidak berkurang
(b) Konsentrasi zikir tetap berkurang
(c) Zikir malaikat sebagai tanda ketaatan dan kebesaran Allah SWT

7. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1. (a) (i) berzikir
(ii) syukur
(iii) tenang
(iv) malaikat
- (b) Berzikir memberi banyak manfaat kepada masyarakat. Misalnya, melahirkan masyarakat yang mudah dan lembut hati untuk beribadat kepada Allah SWT seperti solat berjemaah di surau dan bergotong-royong bersama jiran tetangga.
- (c) Salah satu jalan untuk mengingati Allah SWT ialah dengan berzikir. Hal ini menyebabkan umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan berzikir kepada Allah SWT jika muhampir kepada-Nya. Dengan berzikir juga boleh menjauhkan diri kita dari bersikap lalai dan lupa kepada Allah SWT, boleh meluruskan fikiran dan hati untuk terus mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

POWER KBAT

1. Hal ini kerana seseorang itu tidak dididik sejak kecil tentang kepentingan berzikir. Keadaan ini menyebabkan dirinya tidak prihatin sehingga mengabaikan amalan berzikir. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengingati Allah dengan mengamalkan berzikir dalam kehidupan harian.
2. Sentiasa mengingati Allah SWT dengan ikhlas dapat mengekang diri daripada lalai dengan kehidupan dan membentuk rasa takut dalam diri untuk melakukan maksiat kerana menyedari bahawa Allah sentiasa melihat setiap tindakan yang dilakukan. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah gejala sosial dalam negara. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa membanyakkan berzikir supaya tidak terpengaruh dengan tipu daya syaitan.
3. Kebahagiaan para mukmin adalah datangnya daripada hati yang tenang dan tenteram. Hati yang tenang pula hanya akan mampu dikecapi oleh jiwa yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap detik kehidupan. Apabila zikir melalui dimensi lidah, hati dan amal ini dilaksanakan dengan sempurna, maka hati seseorang itu akan merasakan nilai kehambaan yang tinggi, rasa bertuhan, merasakan ketenangan dan kebahagiaan hati, memahami takdir Allah dalam kehidupannya malah bersikap reda dalam menerima sebarang ujian dari-Nya.



Generasi Unggul

1. Murid baca dengan bertajwid
2. Dan orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dalam kalangan orang "Muhajirin" dan "Ansar" serta orang yang mengikuti mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar
3. Maksud sahabat dari sudut bahasa ialah yang mendampingi, manakala dari sudut istilah ialah sesiapa yang berjumpa dengan Rasulullah SAW dan beriman kepadanya serta meninggal dunia dalam Islam.
4. (a) Allah SWT reda dan menerima pengorbanan serta dimasukkan ke dalam syurga
 (b) Diangkat darjah yang sangat tinggi di sisi-Nya bagi mereka yang membelanjakan harta dan berjuang di sisi Allah
5. (a) Kita hendaklah mengelakkan diri daripada membenci, mencela, mencaci dan menghina para sahabat
 (b) Kita hendaklah berusaha dengan menjadikan amalan para sahabat sebagai contoh ikutan supaya mendapat syurga yang abadi
 (c) Bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat kurniaan Allah SWT dengan menjauhi larangannya
 (d) Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba dalam urusan kebaikan sehingga menjadi seperti Assabiqun alauwalun
6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1. (a) (i) Ansar
 (ii) sahabat
 (iii) Muhajirin
 (iv) Anas bin Malik
- (b) Dengan mencontohi semangat perjuangan para sahabat Nabi Muhammad SAW akan membolehkan seseorang itu dapat membezakan perkara yang baik dan buruk seterusnya membentuk akhlak yang mulia.
- (c) Sumbangan terbesar Sayidina Abu Bakar al-Siddiq ialah beliau telah mengumpul semula semua naskhah al-Quran dan mengikat semula mukjizat Rasullullah itu menjadi panduan umat Islam sehingga kini. Hal ini kerana beliau runting dengan kemunculan golongan murtad dan nabi palsu, maka beliau telah mengarahkan Zaid bin Thabit supaya mengumpulkan semua tulisan ayat al-Quran serta menyalinnya semula.

POWER KBAT

1. Saya akan sentiasa mempelajari tentang sunah baginda SAW seperti cara pergaulan baginda dengan golongan bukan Islam agar dapat membentuk keharmonian dalam kehidupan masyarakat majmuk. Selain itu, saya juga akan sentiasa berselawat kepada baginda SAW sebagai tanda cinta kepada baginda sekali gus mendapat syafaat baginda di akhirat kelak.
2. Masyarakat yang mencontohi sifat dan sikap para sahabat seperti mengamalkan sikap mudah memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan atau susah

akan dapat membentuk perpaduan yang erat seterusnya mengukuhkan kekuatan umat Islam. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bekerjasama dalam melakukan kebaikan supaya hidup dalam keadaan yang tenang dan sejahtera kerana diberkati oleh Allah SWT.

3. Saya boleh mencontohi sifat keperibadian beliau dengan mengamalkan sikap berfikiran terbuka apabila berbincang tentang pelajaran atau isu-isu semasa yang lain dengan rakan-rakan dengan menghormati dan menerima pendapat mereka ketika dalam perbincangan. Kesimpulannya, kita hendaklah bersedia ditegur dan menerima pendapat orang lain walaupun daripada orang yang kita tidak kenali.



Kewajipan Memelihara Kehormatan Diri

1. Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anakanak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam atau hambahamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.
2. (a) Menjaga pandangan daripada melihat perkara yang haram seperti aurat manusia yang bukan mahram
 (b) Menjauhkan diri daripada pergaulan bebas yang negatif agar dapat menjaga kehormatan diri
 (c) Memelihara aurat seperti berpakaian yang tidak mendedahkan aurat dan mengikut hukum syarak
 (d) Perbuatan kembali kepada Allah SWT dan menyesal dengan bersungguh-sungguh terhadap dosa yang telah dilakukan
3. (a) Kita hendaklah menjaga kehormatan diri agar kehidupan dirahmati Allah SWT
 (b) Kita hendaklah sentiasa bertaubat agar dicintai Allah SWT
4. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1. (a) (i) haram
 (ii) tatasusila
 (iii) Taubat
 (iv) dada

- (b) Individu tersebut akan dapat menjaga maruah dan kehormatan diri sebagai seorang muslim yang sejati dan dapat mendidik diri berakhlik dengan adab akhlak Islamiah.
- (c) Pandangan akan menentukan perasaan dan keadaan hati seseorang. Oleh itu, pengabaian menjaga pandangan mata akan menyebabkan seseorang itu mudah ter dorong untuk terlibat melakukan perkara yang tidak baik dan boleh merosakkan hati, iaitu hati menjadi kotor dan gelap untuk menerima perkara baik. Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga pandangan mata agar dapat menjaga kesucian hati kita.

POWER KBAT

1. Sentiasa menundukkan pandangan daripada perkara yang haram dapat memelihara seseorang daripada melakukan perkara maksiat menyebabkannya sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah SWT. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berfikir sebelum bertindak supaya kehormatan diri kita sentiasa terjaga.
2. Masyarakat yang sentiasa memelihara kehormatan dan maruah seperti menjauhi pergaulan bebas akan dapat menjalani kehidupan dalam kesejahteraan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa melakukan perkara yang bermanfaat supaya hidup dekat dengan rahmat Allah SWT.
3. Supaya kehormatan dan maruah diri seorang wanita akan terjaga dan terpelihara serta dapat menghindari daripada berlakunya perbuatan tidak senonoh dalam kalangan lelaki terhadap wanita seperti dicabul dan dirogol. Oleh itu, kaum wanita hendaklah mematuhi perintah Allah SWT dalam hal ini untuk mendapat keredaan dan rahmat-Nya agar sentiasa dilindungi Allah.

PELAJARAN 8 Penciptaan Manusia Bukti Kekuasaan Allah SWT

1. Murid baca dengan bertajwid
2. Dialah yang menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada (setitis) air benih, kemudian daripada sebuah darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan) dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).
3. (a) Nutfah
(b) Alaqa
(c) Mudghah
(d) Janin
4. (a) Anak-anak belajar bercakap, berjalan, bermain dan bergaul dengan persekitaran mereka
(b) Mereka mula ditaklifkan Allah SWT, bertanggungjawab dengan apa-apa yang dilakukan berpandukan aturan syariat
(c) Manusia mencapai tahap kematangan akal yang sempurna

- (d) Daya fizikal mereka semakin lemah, namun pengalaman hidup yang telah dilalui sangat berharga
 - (e) Kematian menyedarkan kita untuk memanfaatkan kehidupan dengan perkara yang memberikan kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain
5. (a) Kita hendaklah yakin bahawa Allah SWT Maha Berkusa mencipta manusia dengan sangat sempurnanya agar kita menjadi hamba yang bertakwa
 - (b) Kita hendaklah menghargai anggota badan ciptaan Allah SWT
 - (c) Kita hendaklah menjadi hamba Allah SWT yang sentiasa bersyukur agar tidak termasuk dalam golongan yang kufur dengan nikmatnya
 - (d) Kita hendaklah mengakui bahawa anatomi tubuh manusia diciptakan dengan fungsi yang tersendiri bahkan saling melengkapi.

6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1. (a) (i) manusia
(ii) rahim
(iii) kehidupan
(iv) dewasa
- (b) Sentiasa melakukan kebaikan dengan ikhlas agar tidak mudah berputus asa apabila menghadapi kegagalan
- (c) Saya akan menggunakan waktu siang untuk pergi ke sekolah dan beraktiviti bersama rakan-rakan seperti beriadah, manakala pada waktu malam pula saya akan memperbanyak ibadah, berehat, meluangkan masa bersama keluarga dan mengulang kaji pelajaran. Kesimpulannya, saya akan mengisi masa dengan sebaiknya bersesuaian dengan fungsi kejadian siang dan malam

POWER KBAT

1. Kehidupan manusia tidak berakhir di dunia sahaja. Manusia akan dikembalikan di akhirat setelah mati untuk dihisab dan dihitung amalan sama ada berjaya atau sebaliknya bergantung kepada amalan di dunia. Jika di dunia banyak amalan soleh dan baik dilakukan seperti banyak beramal, berbuat baik sesama insan dan sebagainya, maka pembalasan yang akan diberikan adalah kejayaan.
2. Kejadian siang dan malam membuktikan kekuasaan Allah SWT dalam mengatur alam untuk kesejahteraan makhluk-makhluk-Nya. Selain itu, dengan meneroka seluruh dunia juga akan membuatkan seseorang dapat membuat pemerhatian dan berfikir tentang kekuasaan Allah. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa beramal soleh dan melakukan perkara yang berfaedah untuk memanfaatkan masa yang diberikan dengan melihat kebesaran kuasa Allah SWT.
3. Semua kejadian alam melalui kekuasaan Allah yang terdapat di sekeliling kita adalah untuk kesenangan dan kesejahteraan hidup manusia. Kebaikan daripada ibadah yang kita lakukan seperti bersungguh-sungguh menuntut ilmu akan pulang kepada diri kita sendiri sebagai pahala dan keredaan daripada-Nya juga. Dengan mendapat keredaan hidup dari Allah akan memberi kejayaan kepada murid dalam pelajaran. Oleh itu, kita hendaklah menjaga amalan ibadah kita agar Allah memberi kita kejayaan dalam pelajaran.

PELAJARAN
9

Sedekah Kunci Kebaikan

1. Daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Setiap sendi di tubuh badan manusia menjadi sedekah untuknya pada setiap hari matahari terbit. Kamu melakukan keadilan di antara dua orang (yang bertelingkah) adalah sedekah. Kamu membantu orang menaiki tungganganmu atau kamu mengangkat barang-barang untuknya ke dalam tungganganmu adalah sedekah, perkataan yang baik adalah sedekah. Setiap langkah kamu berjalan untuk menunaikan solat adalah sedekah dan kamu membuang perkara-perkara yang menyakiti di jalan adalah sedekah.
2. Dari sudut bahasa ialah pemberian, manakala dari sudut istilah ialah sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
3. (a) Membantu orang menaiki kenderaan
 (b) Melakukan keadilan antara dua orang
 (c) Berjalan untuk menunaikan solat
 (d) Mengucapkan perkataan yang baik
4. (a) Meringankan beban orang lain
 (b) Menyuburkan budaya komunikasi berkesan
 (c) Menunjukkan keimanan kepada Allah SWT
5. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1. (a) (i) Berlaku adil dalam bertindak
 (ii) Mendamaikan orang yang bertelingkah
 (b) (i) Kita hendaklah sentiasa memanfaatkan masa, tenaga dan kemahiran yang ada untuk membantu orang lain agar menjadi orang yang bertakwa.
 (ii) Kita hendaklah mendamaikan orang yang bertelingkah kerana setiap mukmin bersaudara.
 ماس، تناک، کماهین، برتووا (c)

POWER KBAT

1. Amalan sedekah dalam kalangan ahli keluarga boleh dilihat melalui sikap ahli keluarga yang saling bantu-membantu seperti memberi nasihat, menegur kesalahan, membantu mengurangkan beban kesusahan berkaitan kewangan dan sebagainya. Hal ini dapat mengeratkan hubungan kasih sayang antara ahli keluarga seterusnya melahirkan keluarga yang bahagia.
2. Berdasarkan pernyataan di atas, tangan yang di atas adalah pemberi dan tangan yang di bawah adalah penerima. Islam mengajar kita bahawa yang memberi lebih baik dari yang menerima. Bersedekah dalam Islam bukan sekadar memberi wang ringgit kepada mereka yang memerlukan tetapi membabitkan perkara yang membawa kebaikan sama ada dalam bentuk kerohanian maupun fizikal. Dengan bersedekah kita akan terhindar dari api neraka dan sekali gus mampu membuka pintu rezeki.
3. Harta seseorang itu tidak akan berkurangan jika bersedekah malah Allah SWT akan menggantikannya dengan perkara yang kita infakkan dan melalui amalan sedekah itu akan membawa ketenangan dan sedekah itu menjadi perisai dan naungan di hari pembalasan. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan sedekah kerana sedekah memberi pelbagai keajaiban termasuk sebagai penolong kita di akhirat kelak.

PELAJARAN
10

Hindari Sifat Negatif

1. Murid membaca hadis dengan betul
2. Daripada Anas bin Malik, katanya: Rasulullah SAW pernah bersabda: "Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada kelemahan, kemalasan, pengecut dan nyanyuk, dan aku berlindung dengan-Mu daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan aku berlindung dengan-Mu daripada azab kubur".
3. (a) Malas
 (b) Lemah
 (c) Nyanyuk
 (d) Pengecut
4. (a) Kita hendaklah rajin dalam melakukan kebaikan agar dapat memajukan diri
 (b) Kita hendaklah sentiasa berdoa agar dijauhkan daripada sifat-sifat yang tidak disukai Allah
 (c) Kita hendaklah berani dalam segala perkara kerana sifat ini ialah sifat wali Allah
5. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1. (a) (i) Malas
 (ii) Pengecut
 (b) (i) Kita hendaklah berusaha menjadi seorang mukmin yang kuat kerana ianya lebih disukai oleh Allah SWT.
 (ii) Kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh berubah daripada kemunduran kepada kemajuan.
 کای، صیحت، عباده، پاپوچ (c)

POWER KBAT

1. Murid yang rajin seperti bersungguh-sungguh dalam mengulangkaji pembelajaran akan menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. Hal ini dapat membentuk disiplin yang tinggi dalam diri murid sekali gus memudahkannya mencapai kejayaan. Kesimpulannya, murid yang rajin akan lebih mudah untuk memperoleh kejayaan dalam pelajaran berbanding murid yang tidak rajin.
2. Dengan sentiasa mengingati pengorbanan yang telah dilakukan oleh ibu bapa dalam memberi pendidikan dan kehidupan. Ini akan memberikan motivasi kepada diri untuk terus belajar bersungguh-sungguh. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berdamping dengan rakan yang rajin agar terdorong melakukan perkara bermanfaat.
3. Sifat pengecut dipandang hina kerana pengecut dianggap seperti tidak mahu menanggung sesuatu risiko dan tidak mahu bersusah payah menghadapi masalah rumit. Sifat ini akan menjadi penghalang untuk seseorang bertambah maju dalam kehidupan. Oleh itu, kita hendaklah mengelakkan diri daripada menjadi orang yang pengecut.

PELAJARAN
11

Allah SWT Maha Kaya Pengurnia Rezeki

1. Al-Ghaniy:

Bahasa: Tidak memerlukan kepada yang lain

Istilah: Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain

Ar-Razak:

Bahasa: Amat banyak memberi rezeki

Istilah: Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang Maha Memberi Rezeki dia yang menjadikan rezeki dan mengurniakan kepada seluruh makhluk

2. Al-Ghaniy:

وَاللَّهُ أَكْثَرُ الرِّزْقِ وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ...

(Surah Muhammad: 38)

Maksudnya: ... Dan Allah jua yang Maha Kaya dan kamu lah yang memerlukan (kurniaannya)...

Ar-Razak:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَاقُ دُوَّلْقُوَةُ الْمَتَّيْنِ ﴿٥٩﴾

(Surah adz-Zaariyat: 58)

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah, Dialah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dialah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat kekuasaan-Nya".

3. Bukti Allah Al-Ghaniy

- Allah SWT menguasai seluruh makhluk di langit dan di bumi
- Semua makhluk sentiasa berhajat kepada Allah
- Allah SWT mencukupkan keperluan makhluk dengan kurniaannya

Bukti Allah Ar-Razak

- Allah memberi rezeki kepada seluruh makhluk
- Allah berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki hamba-hambanya
- Allah berjanji menambah rezeki kepada hamba yang bersyukur

4. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|-------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. C | 5. C |
| 6. A | 7. C | 8. C | 9. B | 10. B |

Bahagian C

- (i) Al-Ghaniy
(ii) Ar-Razak
(iii) Ar-Razak
(iv) Al-Ghaniy
- (i) Kaya
(ii) wajib
(iii) rezeki
(iv) batasan
- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain
- Saya akan sentiasa yakin bahawa hanya manusia yang berkehendak kepada-Nya kerana Allah SWT sahaja yang menguasai seluruh makhluk di bumi ini sehingga setiap inci yang berlaku dalam kehidupan manusia ini adalah atas sebab kehendak dari-Nya. Selain itu, saya percaya bahawa segala nikmat yang saya perolehi dalam dunia ini adalah pemberian dari Allah semata-mata. Oleh itu, saya akan sentiasa meyakini bahawa Allah SWT bersifat Al-Ghaniy.
- (i) Allah SWT berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki semua hamba-Nya.
(ii) Amalan sikap pemurah seperti suka memberi infak atau bantuan kepada orang yang memerlukan

akan melahirkan individu yang prihatin dan suka membantu. Kesannya, masyarakat akan hidup dalam keadaan yang tenang dan memperoleh kejayaan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa melazimi amalan infak agar mendapat kecemerlangan di dunia dan akhirat.

POWER KBAT

- Sentiasa teliti dan merancang dalam penggunaan nikmat kekayaan yang dikurniakan. Hal ini menyebabkan saya dapat menggunakan nikmat tersebut dengan sebaik-baiknya yang akan memberi manfaat kepada diri dan orang lain. Oleh itu, kita hendaklah bijak dalam menguruskan perbelanjaan agar hidup diberkati Allah SWT.
- Sentiasa mengamalkan sikap pemurah seperti memberi bantuan kepada rakan atau orang yang memerlukan. Kesannya, bantuan tersebut akan dapat memberi sedikit keselesaan hidup kepada penerima dalam meneruskan kehidupannya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa ikhlas dan rajin bersedekah agar hidup dirahmati Allah SWT.
- Hal ini kerana individu yang mengeluarkan infak akan mendapat pahala dengan mudah. Selain itu, jika infak semakin berkembang, ukhuwah dan hubungan sesama manusia juga dapat dipertingkatkan dan menuju ke arah kehidupan yang lebih harmoni. Hal ini akan menyebabkan masyarakat hidup saling membantu dan tidak meminggirkan golongan bawahan. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan infak kerana hasil yang diperolehi pemberi adalah pahala yang berlipat kali ganda dan akan merasai hakikat kebajikan yang dilakukan.

PELAJARAN 12

Beriman kepada Rasul

1. Meyakini bahawa Allah SWT mengutuskan para nabi dan rasul kepada umat manusia dan meyakini pengutusan 25 orang rasul yang disebutkan dalam al-Quran secara khusus.

2. Rasul telah beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhan-Nya, demikian pula orang-orang yang beriman semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka mengatakan): "Kami tidak membeza-bezakan antara seseorang pun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya".

Nabi	Rasul
Lelaki yang dipilih oleh Allah dan dikurniakan wahyu kepadanya tetapi tidak diperintah menyampaikannya kepada orang lain.	Lelaki yang dipilih oleh Allah dan dikurniakan wahyu kepadanya serta diperintah menyampaikannya kepada orang lain.

4. **Sifat wajib:** Siddiq, Amanah, Tabligh, Fatanah

Sifat mustahil: Kazib, Khianat, Kitman, Baladah

Sifat harus: Basyariah (sifat yang ada pada manusia) seperti makan, minum, tidur, beristeri dan sebagainya

- Manusia dan nabi pertama di bumi yang dicipta daripada tanah
- Dihantar ke bumi Mekah ketika masih kecil oleh bapanya, Nabi Ibrahim
- Daripada keturunannya lahir golongan Bani Israel
- Merupakan putera kepada Nabi Ishak



- (e) Merupakan putera Nabi Yaakub
(f) Berjaya menawan empayar Saba'
(g) Mukjizat baginda terzahir apabila dilahirkan tanpa bapa
(h) Diutuskan kepada seluruh umat manusia hingga ke akhir zaman
6. (a) Manusia lebih mudah beriman kepada rasul apabila dapat membuktikan kerasulannya dengan mukjizat.
(b) Menjadi contoh ikutan yang sempurna.
(c) Menunjukkan kemuliaan manusia yang dipilih menjadi khalifah di bumi.
7. Ismaturrasul dari segi bahasa bermaksud terpelihara daripada sesuatu yang buruk manakala dari segi istilah bermaksud pemeliharaan Allah SWT terhadap para rasul daripada melakukan dosa dalam apa bentuk sekali pun sama ada dosa kecil atau dosa besar.
8. (a) Bahasa: Yang melemahkan
Istilah: Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka.
(b) (i) Mukjizat maknawi, iaitu mukjizat yang akan diketahui keluarbiasaannya dengan menggunakan akal fikiran.
(ii) Mukjizat hissiyah, iaitu mukjizat yang dapat dilihat dan dirasa dengan pancaindera.
9. Rasul-rasul yang mempunyai kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah.
10. (a) Diuji oleh Allah dengan perintah menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail.
(b) Sabar menyeru kaumnya agar beriman kepada Allah selama 950 tahun walaupun hanya sebahagian kecil sahaja yang beriman.
(c) Berhadapan dengan Firaun yang zalim dan berhijrah ke Palestin bersama Bani Israel yang degil dan ingkar.
(d) Berhadapan tentang musyrikin Quraisy di Mekah dan tentang Yahudi dan Munafik di Madinah.
11. Aktiviti murid

POWER PT3**Bahagian A**

1. C 2. C 3. A 4. D 5. A
6. C 7. C 8. C 9. A 10. D

Bahagian C

1. (a) (i) Sifat wajib
(ii) Sifat mustahil
(iii) Sifat wajib
(iv) Sifat mustahil
(b) (i) Iman
(ii) wajib
(iii) batal
(iv) keempat
(c) Perkara luar biasa yang dikurniakan Allah SWT kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka.
(d) Saya akan mengamalkan sifat amanah dengan melakukan segala suruhan-Nya seperti menuaikan solat fardu tanpa culas. Selain itu, saya juga akan melaksanakan amanah yang diberikan kepada saya dengan baik, contohnya saya akan melaksanakan tugas saya sebagai pengawas sekolah dengan amanah, iaitu tidak menjatuhkan hukuman denda kepada mereka yang melanggar peraturan sekolah secara berat sebelah. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menjaga amanah yang diberikan agar menjadi manusia yang boleh dipercayai.

- (e) (i) Rasul yang memiliki kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah.
(ii) Saya akan belajar dengan tekun dan sabar menghadapi segala dugaan ketika belajar seperti tidak memahami topik pelajaran di sekolah. Dalam hal ini, saya akan tetap berusaha untuk mengatasinya dengan baik seperti menguatkan semangat dan memperbanyak ulang kaji. Oleh itu, segala cabaran dapat ditempuh dengan baik hingga berjaya.

POWER KBAT

- Keimanan kepada perutusan rasul akan menimbulkan kesedaran seseorang supaya berakhhlak mulia dengan mencontohi sifat-sifat rasul dalam kehidupan. Kesannya akan melahirkan rasa takut untuk melakukan dosa. Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan sunah rasul agar dapat menambahkan keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT.
- Saya akan mengamalkan sunah baginda SAW dalam aktiviti harian seperti cara makan, berjalan, berpakaian dan sebagainya. Kesannya, saya akan dapat membudayakan ciri-ciri kecemerlangan seperti bersikap sanggup berkorban dan bersusah payah demi memajukan tamadun Islam. Kesimpulannya, kita hendaklah menyambung dakwah Rasulullah SAW supaya syiar Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW dapat diwarisi dan dihayati oleh generasi kini dan akan datang.
- Kecintaan terhadap Rasulullah SAW juga perlu dizahirkan pelbagai aspek kehidupan, termasuk tingkah laku yang baik, tutur bicara sopan seperti keperibadian mulia baginda. Keperibadian seperti ini akan mewujudkan qudwah yang sempurna sekali gus dapat mengelak berlakunya perselisihan dalam kalangan manusia hari ini. Oleh itu, kita hendaklah menjaga keperibadian diri kita sebagai tanda cinta terhadap baginda.

PELAJARAN
13

Beriman kepada Hari Akhirat

- Yakin kewujudan hari kehancuran seluruh alam semesta dan kebangkitan semula yang kekal abadi untuk menerima pembalasan sama ada syurga atau neraka.
- Sesungguhnya hari kiamat pasti akan datang, tidak ada keraguan padanya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak beriman.
- (a) Hari Kiamat
(b) Hari Pembalasan
(c) Hari Perhitungan
- (a) Pahala ialah ganjaran baik yang disediakan Allah SWT bagi hamba-hamba yang mematuhi perintah-Nya. Dosa pula ialah balasan buruk yang dijanjikan Allah kepada hamba yang melanggar arahan-Nya
(b) Perpisahan antara roh dengan jasad
(c) Suatu tempat kenikmatan, disediakan oleh Allah bagi hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh
(d) Tempat yang dipenuhi dengan azab, disediakan untuk golongan kafir dan orang yang melanggar perintah Allah SWT
- (a) Akan segera bertaubat setelah melakukan maksiat
(b) Sentiasa memperbanyak amalan soleh

- (c) Bersifat amanah dalam sesuatu pekerjaan
- 6.** Aktiviti murid

POWER PT3**Bahagian A**

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. A | 3. A | 4. B | 5. A |
| 6. A | 7. C | 8. C | | |

Bahagian C

1. (a) (i) Tanda besar
(ii) Tanda kecil
(iii) Tanda besar
(iv) Tanda kecil
- (b) (i) Iman
(ii) wajib
(iii) batal
(iv) Mahsyar
- (c) Ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada orang yang mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.
- (d) Bagi memastikan saya boleh memasuki syurga Allah di akhirat kelak adalah dengan melakukan segala suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya. Saya akan memastikan solat fardu lima waktu adalah cukup pada setiap hari, melaksanakan solat sunat rawatib pada waktu tertentu dan mengamalkan membaca al-Quran setiap hari. Jika terdapat dosa yang telah dilakukan secara sengaja ataupun tidak, saya akan beristighfar dan bertaubat dengan sengaja. Oleh itu, kita hendaklah yakin bahawa wujudnya ganjaran syurga di akhirat kelak agar mampu menjadi manusia yang baik.
- (e) (i) Merupakan penimbang amalan yang disediakan oleh Allah SWT untuk menimbang amalan baik dan buruk manusia.
(ii) Beriman kepada hari akhirat merupakan salah satu daripada rukun Iman yang menjadi pelengkap kepada syarat keimanan seseorang. Keimanan terhadap hari akhirat akan menjadikan seseorang itu tabah menghadapi kehidupan dan reda dengan segala ketetapan Allah. Mereka ini akan sentiasa mengerjakan perintah Allah bagi mendapatkan rahmat-Nya dan pembalasan yang terbaik pada hari akhirat kelak. Oleh itu, sebagai manusia yang beriman, kita hendaklah berdiri di atas keyakinan kepada Allah dan hari akhirat.

POWER KBAT

1. Keimanan terhadap kewujudan neraka akan menimbulkan kesedaran seseorang agar meninggalkan kemungkaran, menginsafkan orang yang berdosa supaya segera bertaubat. Kesannya akan melahirkan individu yang berasa takut azab Allah SWT dan mengharapkan rahmat-Nya seterusnya menambahkan keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT.
2. Orang yang beriman terhadap kewujudan aHisab akan berwaspada melakukan sesuatu dalam kehidupan kerana menyedari setiap amalan akan dihitung. Hal ini menyebabkan manusia akan insaf seterusnya berterusan mengingati kematian. Kesimpulannya, kita hendaklah takut melakukan dosa kerana semua perbuatan akan dihisab.
3. Al-Mizan ialah penimbang kepada amalan baik dan buruk manusia secara tepat, tidak rosak dan dijamin adil. Timbangan ini bertujuan memperlihatkan keadilan-Nya dengan menjatuhkan hukuman kepada manusia yang berbuat dosa. Hal ini berbeza dengan timbangan di dunia yang adakalanya tidak tepat, mudah rosak dan belum menjamin keadilannya.

1. Qadak:

- (a) Bahasa: Menyempurnakan sesuatu
- (b) Istilah: Ketentuan Allah SWT yang azali terhadap semua makhluk

Qadar:

- (a) Bahasa: Menjelaskan qadar sesuatu
- (b) Istilah: Pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah SWT sejak azali

2. Meyakini Allah SWT menentukan segala perkara yang akan berlaku kepada semua makhluk dengan ilmu dan kehendaknya.
3. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "...(iman) bahawa kamu percaya kepada Allah, malaikat, kitab-kitab, Rasul-rasul, hari Kiamat, dan kamu percaya kepada qadarnya baik dan buruk".

4. Qadak Mubram

- (a) Maksud: Sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah SWT dan tidak berubah dan dilaksanakan mengikut kehendak dan kekurangannya.
- (b) Contoh: Bangsa dan jantina seseorang yang telah ditentukan tidak akan berubah.

Qadak Muallaq

- (a) Maksud: Ketentuan Allah SWT yang berubah kepada ketentuannya yang lain dengan usaha yang dilakukan oleh manusia.
- (b) Contoh: Kejayaan cemerlang bergantung kepada usaha.

5. (a) Berusaha menggunakan seluruh kemampuan yang diberikan oleh Allah SWT untuk mencapai sesuatu maksud.
- (b) Berserah kepada Allah SWT dan yakin bahawa Allah yang menentukan keberhasilannya setelah berusaha dan berikhтир dengan bersungguh-sungguh.

6. Aktiviti murid**POWER PT3****Bahagian A**

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. A | 2. C | 3. A | 4. C | 5. A |
| 6. A | 7. A | 8. C | | |

Bahagian C

1. (a) (i) Qadak mubram
(ii) Qadak muallaq
(iii) Qadak muallaq
(iv) Qadak mubram
- (b) (i) kehendak
(ii) wajib
(iii) kekuasaan
(iv) kafir
- (c) Pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah SWT sejak azali.
- (d) Beriman kepada qadak dan qadar akan membuat jiwa seseorang menjadi lebih tenang, iaitu hidupnya akan jauh daripada kesusahan. Bahkan walaupun ujian yang dihadapi mereka sangat sukar, namun keyakinannya pada takdir Allah akan membuatnya selalu merasa tenang dan damai. Hal ini kerana mereka percaya bahawa segala ujian yang diperolehnya adalah qadak dan qadar

Allah yang telah ditentukan namun hanya boleh diubah melalui doa. Oleh itu, kita hendaklah menjadi manusia yang sentiasa tenang apabila menghadapi segala ujian Allah.

- (e) (i) Merupakan ketentuan Allah SWT yang tidak berubah dan dilaksanakan mengikut kehendak dan kekuasaan-Nya.
- (ii) Ucapan itu sengaja dicipta oleh mereka yang malas berusaha sebagai helah membela diri sedangkan Allah tidak akan menzalimi hambanya yang berusaha. Oleh sebab itu, Allah menyuruh hambanya berusaha dan berikhtiar untuk mengubah nasib masing-masing. Kesimpulannya, kita haruslah berusaha bersungguh-sungguh dan bertawakal kepada Allah.

POWER KBAT

1. Keimanan kepada qadak dan qadar dapat menjana sifat positif ke arah kecemerlangan hidup seperti rajin dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Kesannya, produktiviti dan hasil ekonomi negara akan meningkat. Oleh itu, kita hendaklah meningkatkan usaha yang bersungguh-sungguh agar matlamat hidup dapat dicapai.
2. Murid yang beriman kepada qadak dan qadar akan menerima setiap ketentuan Allah SWT dengan hati yang reda seterusnya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Kesannya, dia akan menjadi murid yang berakhhlak mulia seperti tidak berputus asa dan mudah kecewa dalam kehidupan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bertawakal kepada Allah setelah berusaha bersungguh-sungguh dalam sesuatu perkara agar doa dimakbulkan oleh Allah SWT.
3. Individu yang yakin bahawa semua perkara adalah ketentuan (qadar) Allah SWT, maka dia akan terlepas daripada perasaan keluh kesah dan huru-hara. Hidupnya akan menjadi lebih tenang, tidak goyah atau ragu-ragu, tidak berduakacita di atas perkara yang hilang dan tidak menganggap masa depannya gelap. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa meredai ketentuan-Nya supaya menjadi orang yang paling bahagia dan tenang hati.

PELAJARAN
15

Konsep Fardu Ain dan Fardu Kifayah

1. Fardu ain:

Perkara yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam, berdasarkan sekiranya ditinggalkan.

Fardu kifayah:

Perkara yang wajib dilaksanakan oleh sebahagian umat Islam untuk menjaga kepentingan umat Islam, sekiranya tidak ada yang melaksanakannya maka semua anggota masyarakat mendapat dosa.

2. Contoh amalan fardu ain:

- (a) Solat fardu
- (b) Berpuasa dalam bulan Ramadan
- (c) Mengeluarkan zakat
- (d) Menutup aurat

Contoh amalan fardu kifayah:

- (a) Solat berjemaah
- (b) Pengurusan jenazah

- (c) Menguasai sesuatu bidang pekerjaan
- (d) Menghasilkan sesuatu barang untuk kegunaan masyarakat

3. Diri:

- (a) Membentuk keperibadian muslim yang sejati
- (b) Membudayakan amalan mulia dalam kehidupan
- (c) Berusaha menjadi individu kreatif dan inovatif

Masyarakat:

- (a) Membentuk masyarakat yang bertanggungjawab
- (b) Mewujudkan masyarakat saling membantu antara satu sama lain
- (c) Keperluan hidup masyarakat Islam dapat dipenuhi

Negara:

- (a) Negara aman dan bebas daripada kejadian jenayah
- (b) Pentadbiran negara berjalan lancar kerana diurus dengan telus
- (c) Ekonomi negara berkembang dengan pesat kerana bebas daripada rasuah

4. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. D | 2. C | 3. D | 4. D | 5. A |
| 6. D | 7. C | | | |

Bahagian D

- 1. (a) (i) 1. Solat fardu
 - 2. Menutup aurat
- (ii) Mereka yang memahami akan konsep fardu kifayah akan saling melengkapinya antara satu sama lain untuk memastikan amalan fardu kifayah itu boleh dilaksanakan secara bersama. Sebagai contoh, ketika adanya kematian disebuah kampung, penduduk kampung akan berusaha bersama-sama untuk membantu keluarga si mati menguruskan jenazah tanpa membiarkan keluarga si mati menguruskannya sendirian sahaja kerana menguruskan jenazah merupakan salah satu amalan fardu kifayah. Kesimpulannya, pemahaman seseorang terhadap konsep fardu kifayah akan melahirkan masyarakat yang saling membantu tanpa mengira waktu.
- (b) (i) Fardu ain
 - (ii) Fardu ain
 - (iii) Fardu kifayah
 - (iv) Fardu kifayah
- (c) (i) ✓
 - (ii) ✓
 - (iii) X
- (d) (i) Negara akan aman dan bebas daripada kejadian jenayah.
 - (ii) Ekonomi negara dapat dilaksanakan secara terancang dan bersepadu.
- (e) (i) mukalaf
 - (ii) kolektif
 - (iii) solat berjemaah

POWER KBAT

1. Akibat mengabaikan perkara fardu ain akan menyebabkan seseorang itu mudah terdorong melakukan kejahanan seperti mencuri. Hal ini menyebabkan maruah diri tercemar dan dipandang hina oleh masyarakat. Oleh itu, kita hendaklah mengambil berat tentang perkara fardu ain supaya dapat mengamalkan cara hidup Islam dengan baik.

2. Orang yang mengabaikan fardu kifayah akan ketinggalan dalam semua bidang ilmu pengetahuan menyebabkan beliau akan dipinggirkan oleh masyarakat seterusnya mudah tertipu dan diperdayakan. Oleh itu, kita hendaklah istiqamah mempelajari ilmu fardu kifayah agar dikasihi Allah SWT dan Rasul-Nya.
3. Perkara fardu kifayah sering dianggap tidak penting dan sering menunding jari kepada orang lain untuk melaksanakannya bagi melepaskan diri. Sebagai contoh, kawasan perumahan menjadi kotor kerana tiada siapa yang bertindak membersihkannya. Hal ini akan menyebabkan umat Islam dipandang hina oleh masyarakat lain. Oleh itu, kita perlulah bersama-sama melaksanakan perkara fardu kifayah demi melahirkan masyarakat Islam yang hidup aman damai dan diberkati Allah.

PELAJARAN
16**Pengurusan Jenazah**

1. Maksud: Menguruskan jenazah dengan cara tertentu mengikut ketetapan syarak.
Hukum: Hukum menguruskan jenazah ialah fardu kifayah dan wajib atas orang Islam yang hidup menguruskannya. Jika tidak, seluruh masyarakat setempat akan berdosa. Terjemahan dalil: "Segerakanlah pengurusan jenazah". (Muttafaq alaih)
2. (a) Mengajar kalimah la ilaha illallah
(b) Membaca surah Yaasin di sisinya
(c) Mengingatkan pesakit agar bersangka baik terhadap Allah SWT
3. (a) Ikat mulutnya dari bawah dagu hingga atas kepala dengan kain bersih supaya tidak terbuka
(b) Melembutkan sendi-sendi anggota mayat supaya mudah dimandi dan dikafankan
4. (a) Perbuatan meratakan air ke seluruh anggota tubuh jenazah supaya jenazah bersih dan mulia
(b) Menutup seluruh tubuh badan jenazah dengan sekurang-kurangnya sehelai kain
(c) Solat yang dilakukan oleh orang yang hidup kepada jenazah dengan kaifiyat tertentu
(d) Mengebumikan jenazah di dalam tanah mengikut kaifiyat tertentu
5. (a) Mendoakan keampunan dan rahmat Allah untuk jenazah
(b) Mengucapkan takziah kepada keluarga si mati dalam tempoh tiga hari daripada tarikh kematian
(c) Memberi pertolongan kepada keluarga jenazah seperti menyediakan makanan untuk mereka
6. Aktiviti murid

POWER PT3

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. C | 3. A | 4. C | 5. C |
| 6. A | 7. A | 8. C | | |

Bahagian D

1. (a) (i) 1. Memandikan jenazah
2. Mengapangkan jenazah
(ii) Ilmu pengurusan jenazah sering kali tidak diambil peduli oleh sebahagian masyarakat hingga apabila berlaku kematian dalam kalangan ahli keluarga, terutama kematian ibu bapa menyebabkan mereka

tidak tahu untuk menguruskan jenazah terbabit. Tanpa pengetahuan mengenai pengurusan jenazah itu menyebabkan kini ramai anak-anak terpaksa menyerahkan tanggungjawab pengurusan tersebut kepada orang lain. Oleh itu, kita hendaklah berusaha mempelajari ilmu menguruskan jenazah melalui pelbagai medan seperti kursus pengurusan jenazah yang dianjurkan oleh mana-mana pihak misalnya dapat memudahkan kita untuk menguruskan jenazah ahli keluarga kita kelak.

- (b) (i) Makruh
(ii) Wajib
(iii) Wajib
(iv) Wajib
- (c) (i) ✓
(ii) ✓
(iii) X
- (d) (i) Mendoakan keampunan dan rahmat Allah SWT untuk jenazah.
(ii) Membantu keluarga si mati seperti menyediakan makanan untuk mereka.
- (e) (i) lelaki
(ii) kepala
(iii) kepala

POWER KBAT

1. Hal ini kerana masyarakat menganggap bahawa mereka terlepas daripada tuntutan fardu kifayah setelah orang lain melakukannya. Kesannya, mereka tidak mengambil berat akan hal ini dan sering mengharapkan agar orang lain melaksanakannya bagi pihak mereka. Kesimpulannya, kesedaran kepentingan solat jenazah perlu diterapkan dalam setiap anggota masyarakat.
2. Kewajipan terhadap jenazah seperti memandikan, mengapangkan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah dapat memastikan jenazah dalam keadaan yang bersih dan suci untuk menghadap Allah SWT. Hal ini dapat menjaga maruah dan kehormatan jenazah. Oleh itu, kita hendaklah melibatkan diri dalam pengurusan jenazah supaya timbul keinsafan untuk berterusan melakukan kebaikan. Mengendalikan mayat yang kaku dan sejuk itu satu peringatan yang paling memberi kesan.
3. Terlalu banyak keinsafan akan lahir daripada peristiwa kematian. Jasad yang terkubur kaku, keras dan sejuk membuktikan bahawa kematian itu sebenarnya sesuatu yang hakiki, yang sedang berada di hadapan mata. Oleh itu, kita hendaklah menyedari dan menginsafi bahawa setiap orang akan menemui mati pada suatu ketika kelak, sama ada kematian itu cepat atau lambat, ketika muda atau setelah tua.

PELAJARAN
17**Zakat Penyuci Harta**

1. Maksud:

Dari segi bahasa: Subur, suci, berkat dan berkembang.

Dari segi istilah: Mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerima dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Hukum: Hukum mengeluarkan zakat ialah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi segala syarat-syarat wajib.

Terjemahan dalil: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engku membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk)". (Surah at-Taubah, ayat 103)

2. (a) Islam
(b) Merdeka
(c) Cukup hisab
(d) Sempurna milik
(e) Cukup haul
3. (a) Zakat emas, perak dan mata wang
(b) Zakat perniagaan
(c) Zakat tanaman dan buah-buahan
(d) Zakat penternakan
(e) Zakat harta rikaz dan galian
4. (a) Fakir
(b) Mualaf
(c) Orang yang berhutang
(d) Ibnu Sabil
(e) Fi Sabillah
(f) Hamba
(g) Amil
(h) Miskin
5. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. D | 2. D | 3. D | 4. C | 5. C |
| 6. A | 7. D | 8. D | | |

Bahagian D

1. (a) (i) 1. Fakir
2. Miskin
(ii) Pada pendapat saya, masalah ini berlaku kerana sikap individu yang menguruskan hal dana tersebut. Akibat kekurangan ilmu agama dan tidak mempunyai iman yang mantap dalam diri menyebabkan mereka mudah terjebak ke arah penyelewengan dana zakat terutama apabila melihat jumlah dana yang tinggi yang mereka peroleh. Tidak mengaplikasikan sifat amanah dalam diri juga menimbulkan permasalahan ini. Oleh itu, kita hendaklah menjaga iman dan amanah kita apabila menjalankan sesuatu tugas agar tidak wujudnya penyalahgunaan kuasa.
- (b) (i) Wajib
(ii) Wajib
(iii) Wajib
(iv) Wajib
- (c) (i) ✓
(ii) ✓
(iii) X
- (d) (i) Dipelihara di padang terbuka.
(ii) Binatang ternakan bukan digunakan untuk bekerja seperti membajak, memikul barang, mengepam air dan sebagainya.
- (e) (i) Miskin
(ii) 2.7
(iii) Galian

POWER KBAT

1. Kurangnya didikan agama yang secukupnya mengenai kewajipan mengeluarkan zakat harta menyebabkan segerintir masyarakat mengabaikannya. Kesannya, harta yang diperolehi tidak dapat membantu kesusahan orang lain. Oleh itu, kita hendaklah mengeluarkan zakat harta apabila sudah cukup syarat supaya dapat membantu ekonomi negara.

2. Pengeluaran zakat harta oleh orang Islam yang telah memenuhi syarat kepada orang yang memerlukan dapat memperbaiki taraf hidup mereka. Hal ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan umat Islam melalui sikap tolong-menolong itu. Oleh itu, kita hendaklah mengeluarkan zakat harta apabila cukup syarat supaya dapat mengeratkan lagi silaturahim sesama umat.
3. Zakat adalah sebagai peringatan kepada umat Islam dalam menguruskan harta dengan betul kerana semua rezeki yang datang itu sebenarnya adalah hak mutlak Allah SWT dan sebagai pembersihan diri daripada perkara mazmumah seperti bakhil, kedekut dan kurang prihatin terhadap nasib golongan lebih memerlukan. Oleh itu, kita hendaklah menunaikan kewajipan zakat bagi memenuhi tuntutan rukun Iman yang ketiga.

PELAJARAN
18 Aidilfitri dan Aidiladha

1. Aidilfitri: lahir hari raya yang disambut oleh umat Islam pada 1 Syawal
Aidiladha: lahir hari raya yang disambut oleh umat Islam pada 10 Zulhijjah
2. • Mandi sunat hari raya
 - Memakai wangian bagi kaum lelaki ketika keluar menunaikan solat hari raya
 - Memakai pakaian yang bersih, terbaik dan cantik
 - Menghidupkan malam raya dengan bertakbir membesarkan Allah dan berdoa
 - Datang awal ke masjid
 - Pergi dan balik dari tempat solat melalui jalan yang berlainan
3. (a) Membaca doa iftitah
(b) Membaca surah al-Fatihah dan surah lain
(c) Takbir 5 kali berselang seli dengan 4 kali tasbih pada rakaat kedua
(d) Rukuk, iktidal, sujud dan duduk antara dua sujud
(e) Memberi salam
4. (a) Disunatkan berkhutbah dengan dua khutbah selepas selesai solat
(b) Dilakukan selepas solat hari raya
5. (a) Menzahirkan kesyukuran dan meningkatkan keimanan terhadap pencipta-Nya
(b) Mengeratkan ukhuwah sesama umat Islam
6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. C | 8. C | | |

Bahagian D

1. (a) (i) 1. Mandi sunat hari raya
2. Datang awal ke masjid
(ii) Pada hari raya saya cuba untuk ada bersama dengan semua ahli keluarga saya. Pagri raya dimulakan dengan solat sunat hari raya bersama keluarga di masjid, kemudian balik makan makanan hari raya bersama dan seterusnya saling kunjung

- mengunjungi ahli keluarga yang lain. Aktiviti ziarah menziarahi antara ahli keluarga juga akan dilakukan sepanjang bulan Syawal. Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan aktiviti ziarah menziarahi ahli keluarga agar dapat mengeratkan silaturahim.
- (b) (i) Sunat
 (ii) Haram
 (iii) Wajib
 (iv) Sunat
- (c) (i) ✓
 (ii) ✓
 (iii) X
- (d) (i) Disunatkan berkhutbah dengan dua khutbah selepas selesai solat.
 (ii) Dilakukan selepas solat hari raya.
- (e) (i) Aidilfitri
 (ii) dua
 (iii) kegembiraan

POWER KBAT

- Kurangnya didikan agama menyebabkan segelintir masyarakat hanya memberi tumpuan kepada persediaan untuk pagi raya sehingga memandang remeh akan hikmah melaksanakan solat hari raya. Oleh itu, kita hendaklah istiqamah mendalamai ilmu fiqh supaya dapat mempelajari lebih banyak ilmu tentang Islam dan supaya dapat menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT.
- Orang yang menunaikan solat Aidilfitri akan bersama menunaikannya di masjid tanpa mengira pangkat dan keturunan. Hal ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan melahirkan masyarakat yang bersatu padu dalam kalangan umat Islam. Oleh itu, kita hendaklah mengimarahkan masjid dengan menunaikan solat Aidilfitri di masjid supaya dapat menzahirkan syiar agama Islam.
- Hukum menghidupkan malam hari raya adalah sunat. Terdapat pelbagai cara untuk menghidupkan malam hari raya menurut Islam, antaranya adalah dengan berzikir dan mengerjakan sembahyang terutama sembahyang sunat tasbih. Adalah memadai juga menghidupkan malam tersebut pada sebahagian besarnya dan sekurang-kurangnya dengan menunaikan sembahyang isyak berjemaah serta berazam untuk menunaikan sembahyang subuh secara berjemaah.

PELAJARAN
19**Qiamullail Pemangkin Kekuatan Jiwa**

- Maksud:**
 Amalan bangun malam untuk beribadat kepada Allah SWT seperti menunaikan solat Tahajud dan membaca al-Quran.
Hukum: Hukum qiamullail adalah sunat dan dituntut
 Terjemahan dalil: Firman Allah SWT, maksudnya: "Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta tunaikanlah sembahyang tahajud padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkitkan dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji". (Surah al-Isra', ayat 79)
- (a) Menunaikan solat tahajud
 (b) Menunaikan solat hajat
 (c) Membaca al-Quran
 (d) Berzikir
 (e) Berdoa
 (f) Beristighfar

- Solat awwabin
 • Solat tahajud
 • Solat hajat
 • Solat taubat
 • Solat tasbih
- (a) Doa dimakbulkan Allah SWT
 (b) Menjadi hamba yang bersyukur
 (c) Beroleh balasan syurga di akhirat
- Aktiviti murid

POWER PT3**Bahagian A**

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. C |
| 6. C | 7. C | 8. A | | |

Bahagian D

- (a) (i) 1. Doa dimakbulkan oleh Allah SWT
 2. Menjadi hamba yang bersyukur
 (ii) Orang yang mampu melakukan qiamullail adalah seseorang yang kuat keazamannya dan tidak berada dalam angan-angan. Individu tersebut mempunyai kemauan yang tinggi, demi mengejar kebaikan yang tersembunyi dalam qiamulail tersebut yang amat berguna kepada kehidupan. Orang yang tidak panjang angan-angan akan mempunyai semangat daya saing yang tinggi serta kekuatan jiwanya terpancar dari kejernihan wajahnya. Diri mereka terhindar dari sikap suka berkhayal dan mengeluh. Oleh itu, seseorang itu hendaklah mengamalkan qiamullail agar dapat mengurangkan angan-angan kosong dalam kehidupan.
- (b) (i) Sunat
 (ii) Haram
 (iii) Sunat
 (iv) Sunat
- (c) (i) ✓
 (ii) ✓
 (iii) X
- (d) (i) Memperbanyak zikir, membaca al-Quran, istighfar dan berdoa.
 (ii) Disudahi dengan solat sunat witir.
- (e) (i) malam
 (ii) kemuliaan
 (iii) al-Quran

POWER KBAT

- Sebagai seorang murid, saya akan cuba mengamalkan qiamullail dalam kehidupan dengan bangun awal pagi sebelum subuh dan melaksanakan beberapa amalan qiamullail seperti solat tahajud, berdoa dan membaca al-Quran secara istiqamah. Kesimpulannya, untuk menjadi murid yang hebat dan cemerlang dunia akhirat maka hendaklah mengamalkan qiamullail agar mendapat rahmat daripada Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan pembelajaran.
- Menunaikan qiamullail pada waktunya memerlukan disiplin diri yang tinggi agar dapat mengamalkannya secara istiqamah. Hal ini dapat memberi kesan positif kepada individu dengan menjadikannya lebih berdisiplin dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, dengan mengamalkan qiamullail juga akan memberikan ketenangan kepada seseorang menyebabkannya mudah untuk mengingati ilmu. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan qiamullail supaya dapat menjadi individu yang berdisiplin dan mempunyai ilmu yang tinggi.

3. Terdapat keistimewaan dan kekuatan luar biasa pada waktu malam seperti menghidupkan dan membuka mata hati sebagaimana Nabi Ibrahim a.s. menemui hakikat ketuhanan yang sebenar, dapat mendatangkan tumpuan atau kekhusukan, dapat muhasabah kekuatan diri dan mewujudkan keikhlasan serta kejujuran dalam beramal. Oleh itu, ini menyebabkan banyak perkara kerohanian berlaku pada waktu malam.

PELAJARAN 20 Solat Sunat Tahiyatul Masjid dan Solat Sunat Hajat

- Maksud: Solat sunat dua rakaat sebelum duduk ketika setiap kali masuk ke dalam masjid.
Hukum: Hukum menunaikan solat sunat tahiyatul masjid adalah sunat.
Terjemahan dalil: Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "Apabila seseorang kamu masuk ke dalam masjid hendaklah ia solat dua rakaat sebelum duduk". (Riwayat Bukhari)
- Maksud: Solat yang ditunaikan untuk memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT.
Hukum: Hukum menunaikan solat sunat hajat adalah sunat.
Terjemahan dalil: Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "Sesiapa berwuduk dengan sempurna, kemudian melakukan solat dua rakaat dengan sempurna, Allah SWT akan mengurniakan apa-apa sahaja yang dipohon sama ada cepat ataupun lambat". (Riwayat Imam Ahmad)
- Hikmah solat sunat tahiyatul masjid:
 - Memuliakan masjid sebagai tempat beribadat.
 - Memupuk sifat rendah diri sebagai tetamu di rumah Allah.
 - Melatih diri supaya beradab apabila berada di tempat-tempat mulia.
 - Menambah pahala ketika berada di dalam masjid.
 Hikmah solat sunat hajat:
 - Meletakkan pertanggungan yang mutlak kepada Allah yang Maha Pemberi segalanya.
 - Melatih diri agar berharap kepada pertolongan Allah ketika senang atau susah.
 - Mendidik jiwa agar reda dengan ketentuan Allah.
 - Memberi ketenangan kepada jiwa yang keluh kesah.
- Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. C | 8. C | | |

Bahagian D

- (i) 1. Memuliakan masjid sebagai tempat beribadat
2. Meraih pahala ketika berada di dalam masjid
(ii) Solat sunat hajat ialah solat yang dilaksanakan untuk meminta sesuatu hajat yang tertentu. Jadi, mereka yang bakal mengambil periksaan akan banyak melaksanakan solat sunat hajat bagi memohon pertolongan dari Allah SWT untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang setelah habis berusaha melalui ulang kaji, pergi ke kelas tambahan dan sebagainya. Solat sunat hajat ini juga diamalkan sebagai tanda bukti kepercayaan seorang hamba kepada Allah yang Maha Pemberi Rezeki. Oleh itu, kita hendaklah memohon pertolongan Allah dalam sesuatu perihal untuk mendapatkannya.

- (i) Sunat
(ii) Sunat
(iii) Haram
(iv) Sunat
- (i) ✓
(ii) ✓
(iii) X
- (i) Mendidik jiwa agar reda dengan ketentuan Allah SWT.
(ii) Memberi ketenangan kepada jiwa yang keluh kesah.
- (i) sunat
(ii) beradab
(iii) pertengahan

POWER KBAT

- Solat sunat hajat dapat membina peribadi muslim yang cemerlang kerana solat sunat hajat merupakan sebagai tanda perhambaan diri kepada Allah SWT. Hal ini membolehkan seseorang melatih diri sentiasa berharap kepada pertolongan hanya kepada Allah sama ada ketika susah atau senang. Oleh itu, kita hendaklah istiqamah menunaikan solat sunat hajat agar dapat membentuk peribadi yang mulia.
- Menggunakan anugerah Allah SWT untuk menambah amalan kebajikan seperti sedekah dan membantu orang yang susah. Hal ini dapat meningkatkan kesyukurannya kepada Allah SWT. Oleh itu, kita hendaklah istiqamah melakukan solat sunat hajat supaya sentiasa dekat dengan pertolongan Allah SWT.
- Solat sunat tahiyatul masjid ialah solat sunat mu'akkad sebagai tanda menghormati masjid yang dilakukan sebanyak dua rakaat sebaik sahaja memasuki masjid, iaitu sebelum seseorang itu duduk atau melakukan sesuatu yang lain. Selain itu, solat sunat ini juga dapat memupuk sifat rendah diri dan beradab semasa berada di dalam masjid serta menggalakkan umat Islam mendapat pahala berganda ketika di masjid. Oleh itu, kita hendaklah cuba mengamalkan solat sunat ini secara istiqamah setiap kali masuk ke masjid.

PELAJARAN 21 Perjanjian Hudaibiyah dan Pembukaan Kota Mekah

- (a) Rasulullah SAW berangkat ke kota Mekah bersama para sahabat seramai 1400 orang.
(b) Kedatangan rombongan Rasulullah SAW diketahui oleh Musyrikin Mekah dan menghalang rombongan baginda daripada memasuki Mekah.
(c) Rasulullah berhenti di Hudaibiyah dan dikunjungi oleh Budail bin Warqal yang menjadi perantara rasulullah dengan Musyrikin Mekah.
(d) Sayidina Uthman bin Affan diutus Rasulullah SAW menemui Musyrikin Mekah untuk menerangkan kedatangan mereka dan beliau ditahan sehingga tersebar berita kematianya.
(e) Suahil bin Amru dihantar oleh Musyrikin Mekah untuk membuat perjanjian dengan rasulullah sehingga termeterai Perjanjian Hudaibiyah.
- (a) Pasukan tentera bermalam di Marru Az-Zahran dengan menyalaikan 10000 unggun api.
(b) Rasulullah meneruskan perjalanan pada 17 Ramadan menyebabkan Musyrikin Mekah terkejut dengan kedatangan tentera Islam.

- (c) Rasulullah membahagikan tentera Islam kepada empat pasukan dengan diketuai empat panglima, iaitu Rasulullah, Khalid bin Al-Walid, Zubair bin Al-Awam dan Abu Ubaidah Al-Jarrah dan masuk ke kota Mekah dari arah yang berbeza.
- (d) Mekah berjaya dibuka pada tahun ke-8 Hijrah (630 Masihi).
- 3.** (a) Menegakkan syiar Islam.
 (b) Menyeru amar makruf dan nahi mungkar.
 (c) Menguruskan pentadbiran Mekah.
 (d) Memaafkan kesalahan penduduk Mekah.
- 4.** • Petunjuk Allah SWT
 • Strategi Rasulullah SAW
 • Tentera Islam mempunyai semangat jihad yang tinggi dan berdisiplin
 • Musyrikin Mekah yang bertambah lemah
- 5.** (a) Ciri-ciri kepimpinan berdasarkan syariat Islam supaya agama Islam dihormati
 (b) Sesuatu tugas hendaklah terancang untuk menjamin kejayaan tugas tersebut
 (c) Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain kerana semua manusia berhak mendapat kemaafan
- 6.** Aktiviti murid

POWER PT3**Bahagian A**

- | | | | | |
|------|------|------|------|-------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. C | 8. C | 9. C | 10. A |

Bahagian E

- 1.** (a) (i) Petunjuk Allah SWT
 (ii) Strategi Rasulullah SAW
 (iii) Tentera Islam mempunyai semangat jihad yang tinggi
 (b) (i) ✓
 (ii) ✓
 (iii) X
 (c) (i) Menegakkan syiar Islam
 (ii) Amar makruf dan nahi mungkar
 (iii) Menguruskan pentadbiran Mekah
 (iv) Memaafkan kesalahan penduduk Mekah

POWER KBAT

- 1.** Saya dapat mengambil iktibar melalui perjanjian tersebut dengan mengamalkan sikap toleransi dalam kehidupan seperti menghormati pendapat dan fikiran orang lain ketika dalam perbincangan. Melalui sikap ini akan menyebabkan kehidupan menjadi tenang dan tenteram. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan sikap toleransi supaya perpaduan umat Islam menjadi kukuh.
- 2.** Saya akan sentiasa belajar dengan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran supaya dapat meningkatkan imej diri sekali gus imej umat Islam. Hal ini kerana menuntut ilmu juga telah dianggap sebagai berjihad dalam Islam. Oleh itu, kita hendaklah tekun dalam pembelajaran agar diri dan umat Islam dipandang tinggi oleh orang lain.
- 3.** Murid-murid perlulah dididik untuk meningkatkan disiplin diri dengan mematuhi peraturan dan arahan pengetua serta guru-guru. Setiap apa yang dilakukan oleh guru juga perlulah teliti dan teratur seperti ketika menjalankan program sekolah sebagaimana terurnanya rancangan Rasulullah SAW membuka kota Mekah. Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab dalam usaha membentuk disiplin murid.

1. Sayidina Bilal r.a.:

- (a) Bilal bin Rabah
- (b) Abu Abdullah
- (c) Tahun 20 Hijrah pada usia 63 tahun

Sayidina Muaz r.a.:

- (a) Muaz bin Jabal bin Amr
- (b) Abu Abdul Rahman
- (c) Tahun 18 Hijrah

Sayidina Abdul Rahman r.a.:

- (a) Abdul Rahman bin Auf bin Abdul Auf bin Al-Haris
- (b) Abu Muhammad
- (c) Tahun 32 Hijrah pada usia 72 tahun

Sayidina Khalid r.a.:

- (a) Khalid bin Al-Walid bin Al-Mughirah
- (b) Abu Sulaiman
- (c) Tahun 21 Hijrah

2. (a) Muazzin pertama pada zaman Rasulullah SAW

- (b) Antara sahabat yang paling alim dalam ilmu halal dan haram serta al-Quran
- (c) Hartawan yang bersikap zuhud dan tawaduk
- (d) Banyak menyertai perperangan pada zaman Rasulullah SAW

3. Bilal bin Rabah:

- (a) Kita hendaklah menjauhi diri daripada fahaman yang sesat, menyeleweng dan melampau.
- (b) Kita hendaklah memainkan peranan aktif dalam aktiviti keagamaan agar ajaran Islam yang sebenar dapat ditegakkan.

Muaz bin Jabal:

- (a) Kita hendaklah menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh agar menjadi orang yang alim dalam bidang yang dipelajari.
- (b) Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari agar menjadi umat yang cemerlang.

Abdul Rahman bin Auf:

- (a) Kita hendaklah berniaga dengan jujur dan amanah agar rezeki diberkati Allah SWT.
- (b) Kita hendaklah mengeluarkan zakat, sedekah, infak dan wakaf untuk merangsang perkembangan ekonomi Islam.

Khalid bin Al-Walid:

- (a) Kita hendaklah bersedia berkorban mempertahankan agama Islam.
- (b) Kita hendaklah menyusun strategi dengan baik agar memperoleh kejayaan.

4. Aktiviti murid**POWER PT3****Bahagian A**

- | | | | | |
|------|------|------|------|-------|
| 1. C | 2. C | 3. D | 4. D | 5. D |
| 6. C | 7. D | 8. A | 9. A | 10. A |

Bahagian E

- 1.** (a) (i) Bilal bin Rabah
 (ii) Abu Abdullah
 (iii) Habsyah

- (b) (i) ✓
- (ii) ✓
- (iii) X
- (c) (i) Menegakkan syiar Islam
- (ii) Amar makruf dan nahi mungkar
- (iii) Menguruskan pentadbiran Mekah
- (iv) Memaaafkan kesalahan penduduk Mekah

POWER KBAT

1. Saya akan memberikan bantuan sama ada dalam bentuk harta atau tenaga kepada orang yang memerlukan supaya dapat mengurangkan kesusahan dan bebannya. Bantuan ini secara tidak langsung juga dapat memberikan kehidupan yang lebih baik kepada mereka yang dalam kesusahan. Oleh itu, kita hendaklah sanggup berkorban demi agama Islam supaya tamadun Islam kembali menyinar.
2. Saya akan sentiasa menuntut ilmu agama dengan bersungguh-sungguh supaya dapat memperbaiki diri dan meningkatkan ilmu sendiri. Dengan adanya ilmu yang lebih ini akan membolehkan saya untuk berjihad dalam berdakwah kepada masyarakat dan dapat meneruskan kehidupan dengan menepati kehendak syariat. Oleh itu, kita hendaklah tekun dalam pembelajaran agar diredai Allah SWT.
3. Guru-guru perlu menjadikan tokoh-tokoh Islam sebagai contoh tauladan kepada murid-murid dalam setiap aspek kehidupan dengan sentiasa menceritakan kisah-kisah para sahabat kepada mereka. Kesannya, murid akan terpengaruh dengan sifat peribadi mulia para tokoh dan cuba mencontohi mereka. Kesimpulannya, sifat peribadi mulia tokoh-tokoh Islam perlu dicontohi agar mendapat keberkatan hidup daripada Allah.

PELAJARAN
23

Pemaaf Melunakkan Hati

1. Dari segi bahasa ialah melepaskan atau membebaskan manakala dari segi istilah ialah melepaskan seseorang daripada kesalahan dan membebaskan daripada hukuman.
2. Firman Allah SWT, maksudnya: "laitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik". (Surah ali-Imran, ayat 134)
3. (a) Rasulullah SAW sering mendoakan penduduk Taif agar diberikan petunjuk walaupun dakwah baginda sering ditolak oleh mereka.
 (b) Baginda memaaafkan Habbar walaupun beliau telah menyebabkan Sayidatina Zainab terjatuh dari unta sehingga keguguran.
4. (a) (i) Segera memohon maaf
 (ii) Mengakui kesilapan yang dilakukan tanpa mengemukakan sebarang alasan
 (iii) Ikhlas meminta maaf
 (b) (i) Memaaafkan kesalahan tanpa diminta
 (ii) Elakkan diri daripada bersifat dendam
 (iii) Ikhlas memberi kemaafan
5. Terhadap individu:
 (a) Memberi ketenangan jiwa

- (b) Disenangi oleh orang lain
- (c) Menzhirikan keunggulan peribadi Muslim

Terhadap masyarakat:

- (a) Hidup dalam suasana harmoni
- (b) Mengangkat imej umat Islam
- (c) Menarik minat orang bukan Muslim mendalam Islam

6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

1. D
2. C

Bahagian E

1. (a) (i) Pemaaf
 (ii) ikhlas
 (iii) berdoa
 (iv) ketenangan
 (b) Antara tindakan yang akan saya lakukan terhadap rakan baik saya adalah dengan memintanya menjelaskan tentang keperluannya untuk berbohong dengan saya. Kemudian, saya akan memaaafkan kesalahannya itu dan memberi nasihat kepada dia agar tidak berbohong lagi. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap mudah memaaafkan orang lain walaupun adakalanya kita berada di pihak yang benar supaya hidup sentiasa dirahmati Allah SWT.
 (c) (i) Memberi ketenangan jiwa
 (ii) Mendapat rahmat dan keampunan Allah SWT

POWER KBAT

1. Segera memohon maaf dengan sahabat tersebut dengan memberi sedikit penjelasan kepadanya tentang perasaan anda pada waktu yang sesuai. Kesannya, hati akan menjadi tenang apabila telah memohon maaf. Oleh itu, kita hendaklah segera memohon keampunan agar hubungan silaturahim dapat terjalin dengan baik.
2. Kehidupan akan menjadi tidak tenang kerana hubungan sesama manusia tidak baik. Keadaan ini menyebabkan semangat kerjasama dan toleransi tidak dapat dibentuk dalam kalangan umat Islam. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan sifat pemaaf supaya hidup dalam keadaan yang harmoni dan tenteram.
3. Saya akan mencontohi sifat-sifat penyabar dan pemaaf yang ada pada baginda. Sebagai contoh, ketika berhadapan dengan sesuatu masalah, saya akan mengamalkan sifat berlapang dada dan bersedia untuk memberi kemaafan kepada mereka yang ada membuat kesilapan kepada saya. Oleh itu, kita hendaklah mengelakkan diri daripada mudah melenting dan marah jika orang lain melakukan kesilapan.

PELAJARAN
24

Qanaah Hiasan Peribadi

1. Qanaah dari sudut bahasa ialah reda manakala dari sudut istilah ialah berasa cukup dan reda dengan nikmat kurniaan Allah SWT.
2. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:
 Maksud: Kekayaan itu bukanlah dengan banyaknya harta tetapi kekayaan itu adalah dengan kaya jiwa (hati yang selalu berasa cukup). (Muttafiq alaih)

3. Rasulullah SAW sekeluarga tidak pernah makan makanan yang mewah seperti roti yang diperbuat daripada gandum halus apatah lagi makan hingga kekenyangan. Pernah berbulan-bulan di rumah baginda tiada sesuatu untuk dimasak.
4. • Sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT
 - Selalu bertawakal kepada Allah SWT
 - Hidup secara sederhana dan tidak boros
5. (a) Hidup sentiasa tenang dan tenteram.
 (b) Kemuliaan diri terpelihara.
 (c) Memupuk sifat sabar dan syukur.
6. Aktiviti murid

POWER PT3**Bahagian A**

1. C
2. C

Bahagian E

1. (a) (i) sabar
 (ii) bertawakal
 (iii) mewah
 (iv) tenang
- (b) Pada pendapat saya, hal ini kerana sifat qanaah merupakan salah satu rukun takwa yang disebut oleh Sayidina Ali r.a. Selain itu, seseorang yang mengamalkan sikap qanaah akan mendapat ketenangan jiwa dan hati serta kebahagiaan hakiki dalam kehidupannya kerana dia sentiasa berasa cukup dengan apa yang ada walaupun sedikit serta tidak lupa untuk mensyukuri segala nikmat yang Allah kurniakan kepadanya. Oleh itu, tidak musykil jika Islam amat menuntut umatnya agar mengamalkan sikap qanaah dalam kehidupan kerana terdapat banyak hikmah disebaliknya.
- (c) (i) Hidup sentiasa tenang dan tenteram
 (ii) Kemuliaan diri terpelihara

POWER KBAT

1. Azri hendaklah sedar dan yakin bahawa setiap manusia dikurniakan Allah kelebihan masing-masing. Kesannya, hati akan menjadi tenang kerana bersyukur dengan rezeki kurniaan-Nya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bersikap qanaah agar termotivasi untuk meningkatkan kualiti kehidupan ke arah yang lebih baik.
2. Kehidupan akan menjadi tidak tenteram kerana selalu merasa tidak cukup dengan nikmat yang diberikan. Hal ini boleh menyebabkan seseorang itu mudah bersikap dendki dan iri hati terhadap kelebihan orang lain sehingga sering berkeluh kesah dan merungut membandingkan rezekinya dengan orang lain. Oleh itu, kita hendaklah optimis terhadap ketentuan Allah SWT supaya tidak mudah kecewa dan berputus asa atas nikmat-Nya.
3. Saya akan melazimkan diri menghitung segala nikmat yang Allah kurniakan dan mengelakkan diri daripada memikirkan segala kekurangan yang membeklenggu. Selain itu, saya juga akan menggandakan usaha untuk mendapat rezeki lain yang lebih baik kerana Islam tidak menyekat umatnya berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki. Oleh itu, sifat qanaah amat digalakkan untuk disemai dalam diri seseorang agar dapat sentiasa mengingati akan nikmat-Nya.

1. Bahasa: Pujian

Istilah: Menzahirkan pujian kepada Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan serta mematuhi semua perintahnya.

2. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Seseorang yang makan dan dia bersyukur atas nikmat itu, maka dia diberi pahala sama seperti orang berpuasa yang sabar. (Riwayat al-Bukhari)

3. Rasulullah SAW sentiasa menghidupkan waktu malam dengan beribadat kepada Allah sehingga kedua kaki baginda bengkok. Ini dilakukan sebagai tanda kesyukuran baginda kepada Allah SWT atas segala perkara walaupun baginda telah dijamin syurga dan terpelihara daripada sebarang dosa.**4. Hati:**

- (a) Yakin bahawa segala nikmat adalah pemberian Allah SWT.
- (b) Ingat dan memuji Allah SWT.

Lisan:

- (a) Bercakap perkara-perkara yang baik.
- (b) Banyak berzikir dan berselawat.

Perbuatan:

- (a) Perbanyakkan amalan bersedekah.
- (b) Melakukan suruhan Allah dan meninggalkan larangannya.

**5. (a) Rajin dan tekun beribadat
 (b) Sentiasa bertawakal kepada Allah
 (c) Menjadi seorang yang pemurah
 (d) Bersangka baik dengan kejayaan orang lain
 (e) Sentiasa berasa qanaah dengan kurniaan Allah SWT****6. Aktiviti murid****POWER PT3****Bahagian A**

1. C
2. D

Bahagian E

1. (a) (i) syukur
 (ii) nikmat
 (iii) bersedekah
 (iv) reda
- (b) Kerana dengan kurniaan nikmat yang banyak seperti keluarga dan kehidupan. Kita juga perlu bersyukur kerana kita berada dalam golongan orang yang mampu beribadah kepada Allah. Selain itu, individu yang mengamalkan konsep bersyukur di dalam kehidupan seharian akan lebih mudah dalam pencarian rezeki. Ini disebabkan banyak firman-firman Allah yang jelas menunjukkan bahawa semakin hambanya bersyukur dan mengingati Allah maka Allah akan semakin sayang dan sentiasa mengingati hambanya. Oleh itu, kita hendaklah menyemai sifat syukur dalam diri agar semakin mendapat rahmat daripada Allah SWT.
- (c) (i) Hidup dalam keredaan dan rahmat Allah
 (ii) Diberi ganjaran pahala oleh Allah

POWER KBAT

1. Hafiz hendaklah bersyukur dan reda menerima nikmat walaupun ianya sedikit. Namun, Hafiz boleh memperbaiki kehidupannya dengan meningkatkan lagi usaha untuk memajukan dirinya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa rajin beribadat agar memupuk akhlak yang mulia, iaitu bersyukur kepada Allah SWT.
2. Hati akan menjadi tidak tenang kerana tidak sabar dan mengeluh apabila ditimpa musibah. Keadaan ini juga boleh menyebabkan seseorang itu kurang berusaha untuk memajukan diri malah berputus asa dengan rahmat dari-Nya. Oleh itu, kita hendaklah reda terhadap ketentuan Allah SWT dan cuba memperbaiki kehidupan dari masa ke masa supaya hidup dilimpahi rezeki-Nya.
3. Sebagai seorang yang bersyukur seharusnya reda dengan setiap pemberian Allah walaupun teramat pahit untuk diterima. Namun, sekiranya keyakinan yang tinggi bahawa apa yang berlaku perlu bersyukur dan mengingati bahawa apa sahaja yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya nescaya mampu mententeramkan jiwa yang bergelora. Oleh sebab itu setiap manusia wajib berbaik sangka kepada Allah kerana manusia yang berbaik sangka akan sentiasa bersyukur dan yakin tidak ada yang lain kecuali Allah yang mampu membantunya dalam kesusahan dan memberikan kebahagiaan yang diingini.

**PELAJARAN
26**
Adab Berkomunikasi

1. Bahasa: Perhubungan
Istilah: Perhubungan antara dua individu atau lebih secara langsung atau melalui perantaraan seperti emel, surat, radio dan telefon
 2. (a) Tidak melalaikan daripada melakukan ibadat dan tanggungjawab seperti solat fardu
(b) Menggunakan bahasa yang sesuai dan sopan seperti menggunakan intonasi yang sederhana ketika berkomunikasi
(c) Berhubung pada masa dan tempat yang sesuai seperti sebelum waktu tidur
(d) Memastikan maklumat yang disampaikan adalah sahih seperti maklumat daripada pihak yang berautoriti
(e) Tidak menyebarkan fitnah dan membuka aib yang boleh membawa kepada perpecahan
(f) Jadi orang yang pertama menyapa dengan memberi salam melainkan sekiranya sedang duduk atau berada dalam kumpulan
(g) Belajar untuk memberi pujian kepada orang yang sedang bercakap dan doakan kerahmatan Allah kepadanya semasa perbualan
 3. Hikmah terhadap individu:
(a) Mendapat keredaan Allah SWT
(b) Dipandang tinggi oleh masyarakat lain
(c) Dapat menyelesaikan masalah dengan mudah
(d) Melahirkan individu yang berakhlik mulia yang dapat menjadi contoh kepada orang lain
- Hikmah terhadap masyarakat:
- (a) Dapat bertukar pandangan supaya masyarakat maju dan makmur
 - (b) Hidup dalam keadaan aman dan harmoni

- (c) Menimbulkan kemesraan dan mengukuhkan perpaduan
- (d) Menjauhi salah faham supaya masyarakat dapat hidup bersatu padu

4. Aktiviti murid
POWER PT3
Bahagian A

1. D
2. D

Bahagian E

1. (a) (i) maisuran
(ii) mengelakkan
(iii) menyelesaikan
(iv) kesahihan
- (b) Pada pendapat saya, Khairi perlu menyemak dengan tertib akan kandungan mesej yang diterima sama ada ianya sahih atau tidak. Sebarang mesej yang mengelirukan dan meragukan. Kesannya, lahirnya sifat bertanggungjawab terhadap mesej tersebut sebelum dikongsi kepada rakan yang lain. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa teliti dalam menyampaikan sebarang maklumat agar komunikasi tersebut mencapai matlamat yang ditentukan.
- (c) (i) Melahirkan individu yang berakhlik mulia
(ii) Mendapat keredaan Allah

POWER KBAT

1. Fateh hendaklah menjaga adab berkomunikasi seperti menggunakan intonasi yang sesuai ketika berinteraksi walaupun dengan rakan yang bukan muslim. Hal ini adalah supaya mereka tidak akan memandang rendah kepada umat Islam malah akan tertarik dengan keindahan Islam yang penuh dengan kelembutan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berhikmah ketika berkomunikasi dengan rakan yang berlainan bangsa sekalipun agar imej umat Islam terjaga.
2. Mengamalkan adab berkomunikasi menurut Islam seperti memastikan maklumat yang disampaikan adalah sahih dan tepat serta bahasa yang digunakan sarat dengan hikmah dan kelembutan akan menyebabkan umat Islam senang untuk diajak bekerjasama dan mudah didekati. Oleh itu, kita hendaklah mengekalkan perpaduan dalam kalangan umat Islam dengan menjaga adab-adab berkomunikasi.
3. Pengguna media sosial harus peka bahawa perbuatan mengkongsikan aib orang lain adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan tidak beretika. Malah, jika perkara yang dikongsi itu mengandungi unsur-unsur dosa termasuk penipuan, pembohongan dan lain-lain, maka ia juga sesuatu yang tidak wajar dilakukan. Oleh itu, kita tidak wajar menyalahgunakan teknologi yang ada ini agar ia tidak menjadi asbab untuk kita mendapat dosa.

**PELAJARAN
27**
Adab Bermusafir

1. Bahasa: Keluar
Istilah: Seseorang yang keluar daripada kawasan bermukim menuju ke sesuatu tempat yang jaraknya melebihi dua marhala.
2. Firman Allah SWT, maksudnya: "Berjalanlah kamu di muka bumi, lalu perhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang berdosa." (Surah al-Naml, ayat 69)



3. (a) Wajib
(b) Sunat
(c) Harus
(d) Makruh
(e) Haram
4. • Untuk tujuan dan niat yang baik
 - Mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga
 - Disunatkan perbanyakkan berdoa sepanjang bermusafir
 - Menyediakan bekalan dan keperluan secukupnya
 - Tidak meninggalkan solat fardu
5. (a) Perjalanan diberkati Allah SWT
(b) Memberi ketenangan hati
(c) Perjalanan menjadi mudah dan lancar
6. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian A

1. D
2. D

Bahagian E

1. (a) (i) tujuan
(ii) doa
(iii) Sunat
(iv) tiga
- (b) Tidak ada alasan bagi orang bermusafir untuk meninggalkan solat kerana Allah telah memberi rukhsah kepada orang bermusafir untuk mengerjakan solat secara jamak dan qasar. Rukhsah ini jelas menunjukkan bahawa Allah amat kasih kepada hamba-Nya. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab ketika bermusafir terutama tentang ibadah solat agar hidup diberkati Allah SWT.
- (c) (i) Perjalanan diberkati Allah SWT
(ii) Memberi ketenangan hati

POWER KBAT

1. Uthman boleh melakukan rukhsah solat ketika bermusafir, iaitu melakukan solat secara jamak atau qasar supaya kewajipan menunaikan solat dapat dilaksanakan. Hal ini kerana walaupun seseorang itu bermusafir tetapi dia masih diwajibkan menunaikan solat fardu seperti biasa. Oleh itu, kita hendaklah menjaga adab bermusafir agar hidup diberkati oleh Allah SWT.
2. Sentiasa mengingati Allah ketika bermusafir seperti berzikir dan mendengar bacaan al-Quran membolehkan kita mendapat pemeliharaan Allah SWT sepanjang bermusafir. Hal ini kerana mereka yang lalai tidak menjaga adab ketika bermusafir akan memudahkan dirinya mendapat gangguan syaitan. Oleh itu, kita hendaklah berdoa sebelum bermusafir agar segala urusan dipermudahkan Allah SWT.
3. Orang yang memahami hikmah permusafiran semestinya akan memikirkan rezeki dalam bentuk kewangan yang diberikan oleh Allah SWT. Setiap rezeki seperti membeli tiket kapal terbang, menempah bilik penginapan dan persiapan ke arah permusafiran itu telah ditentukan. Sebagai contoh, ada kala kita tidak mempunyai wang ketika hendak membuat keputusan bermusafir, tetapi akhirnya beberapa hari sebelum bertolak tentunya pelbagai rezeki akan dikurniakan sebelum bertolak ke satu-satu tempat. Oleh itu, kita hendaklah berniat bermusafir kerana Allah SWT agar rezeki tidak akan kurang sedikit pun.

Kertas Model PT3

Bahagian A

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. C | 2. D | 3. A | 4. C | 5. C |
| 6. A | 7. C | 8. A | 9. A | 10. D |
| 11. A | 12. A | 13. C | 14. A | 15. D |
| 16. C | 17. D | 18. C | 19. A | 20. D |

Bahagian B

1. (a) (i) pandangan
(ii) pusat
(iii) pergelangan
(iv) maksiat
- (b) Maksudnya ialah menjaga maruah diri daripada tercemar oleh perbuatan yang dilarang dalam Islam.
- (c) Sebagai ibu bapa, saya akan sentiasa memantau tindak tanduk dan sikap anak-anak saya. Jika terdapat perubahan dalam diri mereka, saya akan mencari solusi dengan mendekati dirinya agar dapat mengetahui perkara yang dia sedang lakukan atau lalui. Selain itu, saya juga akan pastikan masa anak saya sentiasa penuh dengan hal belajar atau bersama keluarga supaya mereka tidak berpeluang untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah. Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang tinggi dalam memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dengan perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri dan juga keluarga.
2. (a) (i) Berjalan untuk menunaikan solat.
(ii) Membantu orang yang menaiki kenderaan.
- (b) (i) Kita hendaklah sentiasa memanfaatkan masa, tenaga dan kemahiran yang ada untuk membantu orang lain agar menjadi orang yang bertakwa.
- (ii) Kita hendaklah mendamaikan orang yang bertelingkah kerana setiap mukmin bersaudara.
- (c) هرثا، نراک، کباءٰ، یقن، عذاب

Bahagian C

3. (a) (i) Tanda besar
(ii) Tanda kecil
(iii) Tanda kecil
(iv) Tanda besar
- (b) (i) mencukupkan
(ii) bijaksana
(iii) Nabi Yusuf a.s.
(iv) Mahsyar
- (c) Ketentuan Allah SWT yang tidak berubah dan dilaksanakan mengikut kehendak dan kekuasaan-Nya.
- (d) Pada peringkat awalnya saya akan reda dengan segala ketentuan-Nya atas penyakit yang diberikan itu. Namun, pada waktu dikuarantin itu saya tidak akan berputus asa untuk melawan penyakit tersebut dengan berusaha memperbaikkan berdoa kepada Allah. Saya akan merintih menangis kepada-Nya dan banyak melakukan solat sunat hajat agar disembuhkan sakit tersebut. Kesimpulannya, saya harus positif menghadapinya dengan yakin akan qadak muallaq Allah yang boleh berubah bersesuaian dengan usaha dan doa yang saya lakukan.
- (e) (i) Rasul yang memiliki kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah.
- (ii) Saya akan berusaha menjadi manusia yang sentiasa melakukan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Hal ini kerana kita semua ketahui bahawa rasulullah merupakan seorang yang sangat taat kepada Allah SWT. Selain itu, saya juga

akan mengamalkan segala sunah yang baginda tinggalkan. Sebagai contoh, saya akan berusaha untuk menunaikan solat fardu secara berjemaah di surau atau masjid dan sentiasa jujur dalam percakapan. Oleh itu, kita hendaklah berusaha menjadi manusia persis Rasulullah SAW dengan mencontohi akhlak mulia baginda.

Bahagian D

4. (a) (i) 1. Zakat fitrah
2. Zakat harta
(ii) Pernyataan di atas menjelaskan bahawa bagi seseorang mukmin yang mengharap reda dan belas ihsan Allah SWT, waktu malam tidak digunakan untuk berehat tetapi diperuntukkan untuk bermunajat kepada Allah SWT dalam keadaan merasa takut atas segala kekurangan amal serta dosa-dosa yang dilakukan. Justeru, pada waktu malam adalah saat untuk mengharap pengampunan daripada Allah SWT. Oleh itu, kita hendaklah mengamalkan qiamullail kerana ini merupakan amalan yang dapat meningkatkan darjat seseorang manusia di sisi Allah SWT.
(b) (i) Haram
(ii) Harus
(iii) Sunat
(iv) Makruh
(c) (i) ✓
(ii) ✓
(iii) X
(d) (i) Memuliakan masjid sebagai tempat beribadat.
(ii) Meraih pahala ketika berada di dalam masjid.
(e) (i) 2
(ii) bersyukur
(iii) Fisabilillah

Bahagian E

5. (a) (i) Abu Muhammad
(ii) Bani Zuhrah bin Kilab daripada golongan Muhajirin
(iii) 72 tahun
(b) (i) ✓
(ii) ✓
(iii) X
(c) (i) Petunjuk Allah SWT.
(ii) Strategi Rasulullah SAW.
(iii) Tentera Islam mempunyai semangat jihad yang tinggi dan berdisiplin.
(iv) Musyrikin Mekah yang bertambah lemah.
(d) (i) kemaafan
(ii) bersyukur
(iii) malam
(iv) bermusafir
(e) Pada pendapat saya, permasalahan di atas berlaku adalah disebabkan kurangnya ilmu agama dan pengetahuan dalam kalangan masyarakat. Mereka mungkin tidak mengetahui akan adab dan etika yang perlu dijaga ketika berkomunikasi dalam media sosial sehingga melanggar segala adab. Selain itu, kebanyakan mereka yang suka menyebarkan fitnah dan aib di media sosial ini adalah terdiri daripada mereka yang tidak pandai mengawal emosi perasaan marah dan keterujaan. Hal ini menyebabkan mereka menjadikan media sosial sebagai alat untuk melepaskan segala perasaannya pada ketika itu. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa menjaga adab berkomunikasi walaupun di dalam media sosial kerana melaluinya boleh terlihat keperibadian seseorang.
(f) (i) Memastikan kesahihan maklumat.
(ii) Tidak menyebarkan fitnah dan membuka aib.